

BAHAGIAN 7 – SOALAN LAZIM (FAQ)

7.1 PERMOHONAN PENUBUHAN KONSORTIUM KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN (KKP)

(a) Apakah itu Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan (KKP)?

KKP adalah sebuah konsortium yang menggabungkan sekurang-kurangnya sembilan (9) orang penyelidik daripada tiga (3) entiti berbeza IPT yang sama kepakarannya untuk pelaksanaan penyelidikan berfokus bagi menghasilkan satu kertas kerja/polisi kepada agensi/insitusi.

(b) Siapakah yang dibenarkan untuk menganggotai KKP?

Sekurang-kurangnya tiga (3) orang penyelidik dari Pusat Tanggungjawab (PTJ)/kumpulan penyelidik dibenarkan untuk menganggotai KKP di mana satu (1) KKP Induk adalah daripada PTJ dan dua (2) KKP Satelit adalah daripada PTJ/kumpulan penyelidik dari IPT yang berbeza.

(c) KPI Modal Insan bagi tempoh dua (2) tahun bagi pelaksanaan KKP adalah seorang PhD dan dua (2) orang MSc. Bagaimana untuk mencapai KPI tersebut kerana PhD diperolehi sekurang-kurangnya dua (2) tahun?

KPI KKP yang telah ditetapkan adalah bilangan pelajar PhD dan MSc yang berdaftar dan bukannya bergraduat.

(d) Adakah pemastautin tetap (PR) dibenarkan memohon KKP sama ada Ketua/Satelit?

Pemastautin tetap adalah dibenarkan memohon KKP Induk dan Satelit tetapi perlu ada warganegara Malaysia sebagai pengganti ketua.

- (e) **Adakah Ketua KKP (KKP Induk) bertanggung jawab untuk menyelia/memantau Geran KKP termasuk yang telah disalurkan kepada KKP Satelit?**

Ya dan tertakluk kepada kelulusan Kertas Cadangan Penuh KKP serta MoA yang telah ditandatangani di antara KKP Induk dan Satelit.

- (f) **Apakah kriteria syarikat yang dibenarkan untuk menjalankan kolaborasi dengan KKP?**

Syarikat yang berasaskan teknologi/bidang fokus KKP tersebut dan Ketua/Ahli KKP tidak mempunyai kepentingan di dalam syarikat tersebut.

- (g) **Adakah jaringan kolaborasi dengan industri memerlukan Lol/MoU/MoA terlebih dahulu?**

Ya, jaringan kolaborasi dengan industri memerlukan Lol/MoU/MoA yang aktif dan dalam bentuk dokumen yang formal.

- (h) **Adakah KKP dibenarkan untuk dilanjutkan melebihi dua (2) tahun?**

Tidak dibenarkan.

- (i) **Adakah Ketua KKP dibenarkan untuk menambah keahlian di dalam KKP Induk/Satelit?**

Penambahan keahlian adalah dibenarkan dengan kelulusan RMC KKP Induk dan perlu memaklumkannya kepada KPT.

- (j) **Siapakah yang akan menyediakan MoA di antara KKP Induk dan Satelit?**

MoA perlu disedia dan diselaraskan oleh KKP Induk.

- (k) **Adakah *virement* perbelanjaan Geran KKP dibenarkan dalam tempoh dua (2) tahun pelaksaaan KKP?**

Virement perbelanjaan Geran KKP hanya dibenarkan untuk komponen penyelidikan dengan kelulusan KPT.

- (l) **Adakah Universiti Swasta/Universiti Cawangan dibenarkan untuk menjadi Ketua KKP?**

Ya.

- (m) **Adakah setiap CoE/Kumpulan Penyelidik dalam sesebuah KKP dibenarkan untuk memohon beberapa KKP?**

Tidak dibenarkan. CoE/Kumpulan Penyelidik hanya boleh memohon satu (1) KKP sahaja dalam tempoh pelaksanaannya.

7.2 PELAKSANAAN KONSORTIUM KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN (KKP)

- (a) **Berapakah tempoh yang diberikan kepada KKP untuk menandatangani MoA diantara KKP Induk dan Satelit?**

Ketua KKP akan diberikan tempoh masa sehingga satu (1) tahun untuk menandatagani MoA di antara KKP (Induk dan Satelit). Sekiranya gagal dipatuhi, tindakan penarikan semula status akan dibuat oleh KPT.

- (b) **Adakah Dana Penyelidikan KKP perlu diagihkan keseluruhannya kepada KKP satelit?**

Agihan kewangan kepada keahlian KKP (selepas KKP diluluskan oleh KPT) adalah berdasarkan permohonan di dalam Kertas Candangan Penuh KKP atau persetujuan bersama di antara KKP Induk dan Satelit.